

SEMBANG SABTU



Borhan tak suka beri pinjam buku

KALAU orang pinjam duit, tak bayar pun tak apa, tapi kalau buku, memang susah saya nak beri pinjam kerana ramai yang tak mahu pulangkan. Ini yang paling saya tak suka, cerita pejuang kemerdekaan, Datuk Wira Borhan Md Yaman, 77.

Sikap kedekut dan ulat buku itu mendorong beliau memiliki 2,160 judul buku yang dijilid dan disimpan dengan baik dalam bilik khas yang dijadikan perpustakaan mini di rumahnya di Klebang, Melaka.

Sebahagian daripada koleksi buku itu adalah karya penulis Indonesia sejak 1950-an dan disimpan mengikut urutan nombor siri bagi memudahkannya mencari.

Antara buku kesayangan Borhan ialah koleksi buku agama dan novel Prof Dr Hamka dan Presiden Sukarno, malah buku, *Pandang Balik* karya Tunku Abdul Rahman Putra yang diterima sebagai hadiah ulang tahun perkahwinan pada 1980 juga disimpan dengan baik.


Mengimbau kenangan silam, Borhan mempunyai enam anak dan 28 cucu berkata: "Ketika saya bersekolah pada 1938, saya dilantik ketua darjah. Kemudian cikgu pilih saya jadi ahli 'kutubkhanah' (pustakawan) yang ketika itu cuma ada 40 judul buku, kebanyakannya Indonesia.

"Di situ minat saya terhadap buku bermula. Minat ini berterusan dan menjadi hobi saya. Kalau tak dapat membaca, saya mengantuk dan tidak selesa. Saya jadi ulat buku," katanya yang sanggup berbelanja beribu-ribu ringgit untuk membeli pelbagai jenis buku.

Pegangan beliau ialah 'jauh perjalanan, banyak pilihan, lama hidup banyak dirasa, banyak membaca luas pengetahuan dan pengalaman'.

"Saya tidak keseorangan. Kawan-kawan saya (yang sukakan buku ketika itu) ramai... ada ulama dan ahli politik," katanya.


Bagi menerap minat membaca di kalangan ahli keluarganya, Borhan menjadikan budaya menghadihkan buku sebagai amalan. Ia secara tidak langsung dapat menambah koleksi.



KUMPUL KHAZANAH: Bersama koleksi bukunya.



KUAT AZAM: Borhan belanjakan duit gaji untuk keluarga dan parti.



PENYUBUR SEMANGAT: Buku mengenai perjuangan kemerdekaan.

**SEMBANG
SABTU** ,

Borhan berkorban demi parti

Sanggup basah kuyup jalan kaki ke pejabat Umno Melaka setiap hari selepas kelas

BA - 12/8/2006

NA
SHIP
FOUNDATION
Y A Y BERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
W S A N
IMPINAN
ERDANA

DATUK WIRA BORHAN MD YAMAN

Tarikh lahir: 7 April 1929

Asal: Kampung Lubuk Redan, Melaka

Keluarga: Anak kelima daripada enam beradik

Isteri: Maimunah Mohd Shah (meninggal dunia sakit tua pada 17 April 2005)

Pendidikan:

1935-1941: Sekolah Melayu Lubuk Redan

1941-1946: Sekolah Melayu Kuala Sungai Baru

1948-1951: Latihan formal keguruan melalui Kursus T.U.O.S (Teacher Under Others Scheme) di Sekolah Melayu Jalan Kubu, Melaka

1969-1971: Belajar di Maktab Perguruan Bahasa di Johor Bahru

Perkhidmatan:

1946-1951: Guru di Sekolah Melayu Kuala Sungai Baru, Melaka

1952-1954: Guru di Sekolah Melayu Lubuk Redan, Melaka

1954-1956: Guru di Sekolah Melayu Parit Melaka

1956-1957: Guru di Sekolah Melayu Limbongan, Melaka

1959-1961: Guru di SMJK Pay Fong, Melaka

1962-1964: Guru di SMJK Yok Bin, Melaka

1974-1984: Guru di Sekolah Hendry Gurney (2) Bandar Hilir, Melaka

1964-1970: Lantikan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Bandar sebagai Pengelola Pelajaran Dewasa Melaka

1970-1973: Pengarah Kemajuan Masyarakat (Kemas) Melaka

Pembabitian dalam Umno:

1953: Jawatankuasa Pemuda Umno Melaka

1954: Penolong Setiausaha Pemuda Umno Melaka

1955: Ahli Jawatankuasa Umno Melaka

1956: Setiausaha Umno Melaka

1959-1969: Ketua Pemuda Umno Melaka

1962-1970: Jawatankuasa Pemuda Umno Malaya/Malaysia di bawah pimpinan Tun Saadon Zubir dan Tan Sri Senu Abdul Rahman.

CINTANYA terhadap parti melebihi segala-galanya. Datuk Wira Borhan Md Yaman, 77, seorang daripada pejuang kemerdekaan yang aktif dalam Umno sejak sebelum merdeka hingga awal 70-an, sanggup mengeluarkan duit sendiri untuk kemajuan dan perjuangan parti hingga ada ketika terlupa memberi keselesaan kepada isterinya.

“Alhamdulillah, arwah isteri saya (Allahyarham Maimunah Mohd Shah) faham ketika itu. Isteri guru lain ada yang pakai gelang emas di tangan, tapi isteri saya tidak. Saya tak pernah belikan dia barang kemas kerana wang ketika itu cukup-cukup untuk makan dan parti. Maklumlah gaji guru cuma RM20 hingga RM30 sebulan.

“Saya sanggup berjalan kaki ke ibu pejabat parti setiap hari selepas mengajar. Kalau ada duit lebih selepas beli makanan, saya naik bas tambang 10 sen dari Masjid Limbongan ke Jam Besar sebelum ke Ibu Pejabat Umno ketika itu,” katanya.

Sebelum ditemui di rumahnya di Kelebang, Melaka, baru-baru ini penulis sudah awal-awal lagi dimaklumkan mengenai Datuk Borhan yang cukup bersemangat dan cepat emosi apabila bercakap mengenai kemerdekaan, selain sering menyelitkan teguran pedas.

Menjelang ulang tahun Hari Kebangsaan ke-49 pada 31 Ogos ini, beliau berkata, penghayatan kemerdekaan dalam erti kata sebenar tidak sekadar hanya mengibarkan Jalur Gemilang di rumah dan premis masing-masing.

“Kita kibar bendera dan sertakan dengan semangat serta tindakan untuk membantu memajukan anak bangsa kita. Kita sudah tidak perlu menentang penjajah atau penganas komunis, tetapi kita perlu menentang anasir jahat dan gejala sosial yang boleh meruntuhkan kemerdekaan bangsa yang kita nikmati selama ini.

“Jadi, jangan pandang ringan nikmat kemerdekaan yang kita terima selama ini. Mempertahankan kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan sebenarnya tidak mudah,” katanya yang dikurniakan enam anak dan 28 cucu.

Apabila berbicara dengannya, Tokoh Guru 2006 ini juga sering menyelitkan pantun, kiasan dan falsafah, sehingga tidak jemu walaupun hampir dua jam berbual.

Sebagai seorang pejuang kemerdekaan, beliau menyemai semangat patriotiknya melalui karya termasuk sajak yang tersiar di akhbar dan majalah sejak zaman prakemerdekaan lagi.

Beliau mengakui kehidupan pada zamannya iaitu sebelum Perang Dunia Kedua berbeza dengan kemewahan yang dinikmati generasi muda hari ini.

“Ayah dan ibu saya toreh getah. Petani kecil di kampung. Toreh getah sendiri dalam 0.8 hektar. Tanam padi. Masa kecil saya, kalau cuti atau tak sekolah... pagi ayah menoreh, saya ikut. Kalau ke sawah saya pergi bersama-sama. Tolong buat batas, petak, tanam padi dan merumput.

“Apabila padi masak, menyabit, membanting dan pikul ke rumah. Saya selalu buat kerja kampung, tolong ayah, bela kerbau, menyabit rumput pada waktu petang, selepas balik sekolah,” katanya.

Namun, anak kampung ini berun-

tung kerana berpeluang menjejaki alam persekolahan pada usia seawal enam tahun. Peluang menumpang belajar di darjah satu Sekolah Melayu Lubok Redan pada 1935 diperoleh berikutan jarak rumahnya dengan sekolah cukup dekat.

Sebelum Perang Dunia Kedua, kebanyakan sekolah di Melaka hanya mempunyai kelas sehingga darjah lima. Berikutan itu, anak kelima daripada enam beradik ini meneruskan pengajian darjah enam di Sekolah Melayu Kuala Sungai Baru.

“Darjah enam pula, tidak macam sekarang. Automatik saja, baik lulus atau tidak terus naik darjah enam. Dulu tidak, dulu zaman British, kalau periksa darjah satu, yang lulus saja naik darjah dua, tak lulus, sambung lagi setahun di darjah satu.

“Saya terus, tapi nak pergi darjah enam, ikut markah periksa, 80 peratus ke atas baru boleh masuk darjah enam. Ini bezanya sistem dulu. Sebab itu yang masuk darjah lima dan enam semuanya boleh membaca.

Beliau berkata, walaupun pelajaran dulu tidak banyak.. 3M – membaca,

“**Hari tak sekolah saya pungut kayu api dan tolong ibu. Saya orang kampung, saya tidak malu menceritakan pengalaman saya masa kecil dulu, tidak sama dengan anak-anak hari ini. Berbeza sungguh”**

Wira Borhan Md Yaman

menulis dan mengira selain mata pelajaran sejarah (dulu disebut tawarikh), Bahasa Melayu, Ilmu Kesihatan dan Tanaman.

“Masa dulu, di sekolah, hanya ada antara guru dan murid saja. Tiada tukang kebun, budak pejabat, kerani, tak ada macam sekarang atau pun tukang sapu. Yang buat kerja, baik berkebun, menyapu, pungut sam-

pah, kebersihan sekolah dan menghias taman dibuat oleh murid dengan pimpinan dan jagaan guru,” katanya.

Bagi Borhan, sistem seumpama itu amat berguna kepada dirinya. Ia secara tidak langsung dapat melatih kita sejak kecil terutama membuat kerja rumah.

Keghairahan Borhan menyambung pelajaran ke darjah enam di Sekolah Melayu Kuala Sungai Baru, pada akhir 1941, terbantut berikutan kedatangan tentera Jepun, ketika baru meneruskan pelajaran selama tiga bulan.

Ketika itu, kebanyakan guru sukarela dikerah ke Singapura. Pembelajaran terpaksa dihentikan. Kanak-kanak dipanggil semula belajar apabila Jepun memerintah selepas mengalahkan British sehingga menyaksikan kejatuhan Singapura pada 15 Februari 1942.

Ketika itu, suasana pembelajaran agak berbeza kerana setiap pelajar dikehendaki mempelajari Bahasa Jepun selama tempoh pemerintahan tiga tahun lapan bulan.

“Saya sekolah sampai darjah tiga Jepun. San nen sei..san maksudnya

tiga, nen sei itu darjah tiga. Sekolah masa Jepun, belajar yang wajib, Bahasa Jepun dan ‘uta’ (nyanyi). Selain itu, ada guru yang mengajar agama.

“Pagi-pagi sebelum masuk kelas, kena beratur untuk menaikkan bendera Jepun.

“Bulat yang merah itu (pada bendera Jepun) bulat matahari. Hata itu bendera. Jadi setiap kali nak naik darjah, kena berbaris menghadap matahari terbit kerana ia arah negara Jepun. Ketika bendera Jepun dinaikkan, kita nyanyi lagi *Kimigayo*,” kata Borhan sambil spontan menyanyikan lagu itu.

Sepanjang nyanyian dan bendera dinaikkan, mana-mana pelajar yang bergerak akan dilempang askar Jepun kerana menganggap mereka tidak menghormati negara dan maharaja mereka.

Beliau yang kini mempunyai 28 cucu mengakui masih mengingati kira-kira 10 lagu Jepun, selain tiga jenis tulisan Jepun, iaitu Katakana yang membabitkan sebutan AIUEO atau Ka Ki Ku Ke Ko. Selain itu, Hiragana dan Kang Ji.

Malah, beliau turut mengajar penulis beberapa sebutan Jepun antaranya sakana (ikan), yama (gunung), watakushi (saya), anata (awak).

Meskipun semua lagu kebesaran Jepun yang diserapkan dengan semangat, bagi Borhan, ia tidak menggugat semangat patriotisme golongan muda ketika itu.

Selepas kekalahan Jepun pada 1946, sekolah disambung semula dan beliau menyambung pengajian dalam darjah enam di Sekolah Melayu Kuala Sungai Baru ketika berusia 17 tahun pada 1946.

Beliau kemudian terpilih menjadi guru pelatih pada 1 November 1946, selepas berjaya dalam temu duga dan peperiksaan di Sekolah Bukit Cina, Melaka.

“Saya dapat mengajar di Kuala Sungai Baru. Gaji cuma RM15 sebulan, kecil sangat. Beli kain murah di Kedai Bombay di Masjid Tanah.. kain saja RM6 hingga RM7 sepasang. Tapi pada masa itu, orang jadi cikgu ini dianggap berjaya sebab kelulusan sekolah Melayu setakat darjah enam saja.

“Kalau tak ada, pergi Singapura jadi polis, tentera atau polis renjer. Sekolah Inggeris untuk anak orang berada hanya ada satu di Melaka. Orang berduit saja berulang dari kampung ke Melaka,” katanya.

Kata Borhan, keadaan lebih teruk apabila berlaku Perang Korea pada 1950 sehingga menyebabkan harga getah mahal iaitu kira-kira RM2 sekati.

“Gaji guru cuma RM20 hingga RM30 sebulan. Kawan-kawan saya di kampung, budak muda umur belasan tahun berdagang ke Kuala Pilah, menoreh getah, pajak tanah orang, kemudian bila balik seminggu sekali, bawa RM100 hingga RM200.

“Budak-budak kampung. Usia 19 tahun hingga 20 tahun dah kahwin. Pengantin dikatakan macam patung, iyalah, budak-budak lagi.

“Dulu saya ni bujang terlajak. Saya kahwin umur 23 tahun, pada 21 Disember 1952. Orang anggap umur dah tua, tak renan (tidak berkenan). Pasal apa, dia tahu pendapatan cikgu ni kecil. Saya pernah semasa mengayuh basikal, masa tu jalan tanah merah di kawasan pokok getah, kawan saya jerit Han, duit skrap getah aku tak habis bayar gaji kau,” katanya.

Borhan rasa tercabar dan dipandang rendah, namun beliau tidak menjawab, kerana kenyataan itu benar sambil melagukan pantun.


*Pagi hari pergi membajak,
Bawa cangkul dengan tajak,
Orang kahwin awak tidak,
Akhirnya jadi bujang terlajak*

Namun, beliau yang kini mempunyai seorang cicit mengakui tidak kesal dengan jodohnya kerana menganggap pemilihan berkahwin bagaikan pokok. Buah tua, masak elok, tiada penyakit, baka yang banyak buah akan dipilih. Teori ini, katanya kadangkala dilupakan hanya kerana wang.

Padanya, pantun Munsyi Abdullah dalam Hikayat Munsyi Abdullah, turut menjadi pegangannya.

*Apa guna berkain batik,
Kalau tidak dengan sudinya,
Apa guna berbini cantik,
Kalau tidak dengan budinya.*

'Nikmat merdeka mesti disyukuri sepanjang masa'



MOHD YUSNI/ARFFIN | BERITA HARIAN

TIMBA ILMU: Borhan banyak menghabiskan masa lapang dengan membaca buku.

LAPORAN akhbar mengenai isu bantahan Malayan Union pada 1946, menjadi pembakar semangat untuk menyertai Umno, supaya dapat bersama-sama memperjuangkan kemerdekaan.

Disebabkan baru menjadi guru dan perlu menstabilkan kehidupan terlebih dulu, niat Datuk Wira Borhan Md Yaman terpaksa ditangguhkan sehingga pada 1951.

"Semangat saya membuak-buak membaca laporan akhbar mengenai bantahan terhadap Malayan Union. Saya sanggup pinjam surat khabar guru tiap hari untuk ikuti perkembangan.

"Masa bantahan bermula awal 1946, saya di darjah enam Sekolah Melayu Kuala Sungai Baru. Jadi tidak boleh masuk politik. Budak sekolah tidak boleh berpolitik. Selepas jadi guru,

perlu kerja betul-betul dan stabilkan kedudukan," katanya yang kini mencecah usia 77 tahun.

Pada awal pembabitannya dalam Umno, Melaka hanya ada lima cawangan - Bandar, Jasin, Merlimau, Umbai dan ABD (Ayer Molek, Bukit Lintang, Duyong).

"Umno Melaka ditubuhkan pada 28 Mac 1948. Ketika menentang Malayan Union, 1 hingga 4 Mac 1946, Melaka menghantar dua pertubuhan sebagai wakil, iaitu Kesatuan Melayu Melaka (KMM) dan Pergerakan Melayu Semenanjung cawangan Melaka (PMSM)," katanya.

Bagaimanapun, Borhan berkata, pada Mesyuarat Agung PMSM pada 28 Mac 1948, parti yang ditubuhkan pada Januari 1946, dibubarkan atas arahan Umno Malaya dan menjadikannya

Umno Melaka.

"Hendak tubuh satu bahagian Umno mesti ada 500 ahli. Saya dalam senarai saya simpan. Memang susah nak jadi ahli Umno ketika itu. Yurannya mahal masa itu RM2.50, tapi sekarang cuma RM1.

"Ketika menyambut Merdeka, saya hadir. Kalau hendak bercerita memang banyak. Setiap kali bertanya, saya memang teringat...saya alami...teruk. Duit memang tiada yang ada cuma semangat. Kereta tak ada, sewa kereta orang Ayer Molek. Hari merdeka jatuh pada hari Sabtu," katanya.

Sehubungan itu, Borhan berkata, rakyat Malaysia seharusnya bersyukur menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-49 pada 31 Ogos ini dan nasib rakyat Lubnan harus dijadikan teladan.

"Bila lihat gambar perang angka-ra kezaliman Israel, saya menangis. Orang tua memang mudah menangis. Tapi kita tidak rasa macam mana penderitaan mereka. Bayangkan macam mana orang tengah tidur, tidak berdosa, ditembak dan dibom, sungguh zalim.. kejam. Kalau berlaku pada kita macam mana?"

"Kita patut bersyukur kerana sejak negara kita merdeka, kerajaan yang memerintah hanya satu, tidak bertukar iaitu Barisan Nasional.

"Ini sama juga bagai satu keluarga, bagaikan ayah dan ibu tidak pernah bercerai daripada mula berkahwin sampai sekarang... sudah 60 tahun berkahwin masih kekal, anak-anak hidup selamat. Lihat keluarga yang bercerai berai, anak mereka hidup bersepeh dan tidak terurus," katanya.